



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

☎: +609-6684111

☎: +609-6684217

🌐: www.umt.edu.my

✉: pejabat.bendahari@umt.edu.my

PEJABAT BENDAHARI
BURSAR OFFICE

Rujukan kami : UMT/BEND/100-4/8 J1D.5 (13)
Tarikh : 10 Mei 2023
Bersamaan : 19 Syawal 1444H

**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Malaysia Terengganu**

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

Y.Bhg. Dato' / Prof. / Tuan / Puan,

PEKELILING BENDAHARI BIL. 10 TAHUN 2023

KADAR YURAN PENDAFTARAN PEMBEKAL MELALUI SISTEM E-PEROLEHAN (NETS E-PROCUREMENT SYSTEMS) UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan tentang kadar yuran pendaftaran pembekal melalui sistem e-Perolehan (Nets e-Procurement Systems) di Universiti Malaysia Terengganu.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Penetapan yuran pendaftaran pembekal adalah wajar dengan justifikasi iaitu sistem e-perolehan memberikan manfaat kepada pembekal di mana pembekal akan mendapatkan maklumat iklan tawaran dan boleh mengemukakan tawaran serta dokumen tuntutan bayaran terus melalui sistem.

- 1.1 Penetapan kadar ini telah diperaku dan diluluskan oleh jawatankuasa berikut:
- a. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) Kali Ke-66 Bil. 2 Tahun 2023 pada 13 April 2023; dan
 - b. Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Kali Ke-61 Bil. 2 Tahun 2023 pada 16 April 2023.

3. KADAR YURAN PENDAFTARAN PEMBEKAL MELALUI SISTEM E-PEROLEHAN (NETS E-PROCUREMENT SYSTEMS) DI UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU.

Kadar yuran pendaftaran pembekal melalui sistem e-Perolehan (Nets e-Procurement Systems) di Universiti Malaysia Terengganu adalah seperti Jadual 1 berikut:

Perkara	Kadar (RM)
Kadar yuran pendaftaran pembekal melalui sistem e-Perolehan (Nets e-Procurement Systems)	RM50.00 /setahun

Jadual 1: Kadar yuran pendaftaran pembekal melalui sistem e-Perolehan (Nets e-Procurement Systems) UMT

4. **TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling ini berkuatkuasa pemakaiannya mulai pelaksanaan Sistem e-Perolehan (Nets e-Procurement Systems) di UMT.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



AZIZAH BINTI HASAN

Bendahari

Universiti Malaysia Terengganu

s.k:

1. Naib Canselor
2. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
4. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
5. Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat, Jaringan Industri dan Masyarakat)
6. Penolong Naib Canselor (Strategi dan Prestasi)
5. Fail